

# →SAMBUTAN ULANG TAHUN

## Hari Keputeraan Sultan Pahang

# UMP gembleng bakat pelajar

BERITA HARIAN 24/10/2016 m/s 25

► Kepakaran ilmu sains, teknologi dimiliki graduan bawa manfaat kepada kelestarian hidup masyarakat

Oleh Shahrinnahar Latib  
bhnews@bh.com.my

■ Kuantan

**U**niversiti Malaysia Pahang (UMP) akan terus mengembangkan bakat pelajar secara strategik bagi memastikan kepakaran ilmu sains dan teknologi dapat membawa pelbagai manfaat kepada kelestarian kehidupan masyarakat, termasuk di kawasan luar bandar.

Naib Canselornya, Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, berkata inovasi dan kerja penyelidikan dijalankan di universiti itu turut mengambil kira faktor kemanu-

sian, kesejagatan dan kemasyarakatan.

Katanya, inovasi yang ringkas tetapi berimpak besar kepada transformasi sosioekonomi dan kehidupan rakyat lebih bermakna berbanding inovasi kompleks yang akhirnya terpendam dalam makmal sahaja.

### Projek Universiti Komuniti

“Begitu juga dengan inovasi sosial, satu gerakan usaha kerja amal kemasyarakatan dan pemindahan pengetahuan atau ilmu ke peringkat seterusnya. Projek Universiti Komuniti juga digerakkan secara besar-besaran untuk memasyarakatkan universiti melalui ilmu

pengetahuan dan teknologi,” katanya.

Justeru, Daing Nasir berkata, UMP memperkenalkan Program Pengukuhan Kemahiran Insaniah dikenali sebagai iLEAD yang pertama seumpamanya di negara ini bagi memantapkan bidang akademik seterusnya melahirkan graduan berpersonaliti tinggi dan mampu berjasa kepada bangsa, agama dan negara.

“Mereka akan diukur dari pelbagai aspek, iaitu kemahiran komunikasi, keusahawanan, etika dan nilai tambah lain berbanding sistem penilaian terdahulu yang berdasarkan markah akademik dan kokurikulum,” katanya.



Inovasi dan kerja penyelidikan dijalankan di UMP turut ambil kira faktor kemanusiaan, kesejagatan dan kemasyarakatan”

**Daing Nasir Ibrahim,**  
Naib Canselor UMP